

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan kos perbelanjaan pelan komunikasi di media tempatan terhadap wabak COVID-19 dalam tempoh Mac sehingga Jun 2020. Senaraikan pecahan perbelanjaan komunikasi di setiap media.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) melalui Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) telah membelanjakan sebanyak RM121,960.00 untuk perbelanjaan tindakan komunikasi bagi memastikan maklumat mengenai penularan wabak COVID-19 disampaikan dengan lebih efektif kepada masyarakat melalui 100 ruang paparan *billboard* milik Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) di lokasi strategik.
2. KKMM melalui JaPen turut mendapat kerjasama rakan strategik melalui paparan elektronik (skrin digital) sebanyak 2,051 skrin di lokasi yang terpilih.
3. Kos perbelanjaan Bernama pula berhubung pelan komunikasi bagi tempoh Mac sehingga Jun 2020 adalah seperti berikut:

• Program Radio merangkumi Kapsul/PSA dan Wawancara berjumlah RM775,000

• Program TV merangkumi Kapsul/PSA, Liputan Berita dan Sidang Media berjumlah RM13,961,200.

4. KKMM menerusi Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) pula telah menghasilkan dan menyiaran bahan hebahan tentang pandemik Covid-19 dalam bentuk kapsul, Pesanan Khidmat Masyarakat (PSA), bahan berita, *posting* di media sosial, wawancara serta siaran langsung sidang media YAB Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kanan pada setiap hari.

5. Sebanyak 5.3 juta pelaporan telah disiarkan daripada 20 Mac hingga 29 Jun 2020, bersamaan dengan 15,804 jam (Lima belas ribu lapan ratus empat jam) siaran di semua platform media RTM. Jika program-program yang disiarkan diterjemahkan dalam bentuk pulangan masa siaran, jumlah nilainya dianggarkan sebanyak RM787 juta.

6. Manakala dari segi ASTRO telah turut serta bersama pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia dalam usaha memutuskan rangkaian pandemik COVID-19 dengan penyiaran maklumat penting daripada pihak kerajaan. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ASTRO secara berterusan menyiaran pengumuman khidmat awam (PKA) yang telah dibekalkan oleh pihak Kerajaan dan juga PKA yang telah diterbitkan sendiri oleh ASTRO. Dalam pada masa yang sama, ASTRO juga menyokong pihak kerajaan dalam menangani penularan penyebaran berita palsu.

7. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, ASTRO telah menyiaran lebih daripada 3000 jam PKA menerusi saluran televisyen dengan kekerapan yang tinggi bagi memastikan keberkesanan penyampaian mesej kepada para penonton. Saluran berita kami ASTRO Awani bersiaran selama 24 jam bagi memastikan para penonton mendapat maklumat terkini mengenai COVID-19 dan dalam pada masa yang sama dapat mengekang penularan berita palsu yang semakin berleluasa semasa tempoh PKP.